


# LAMAN ALLAMANDA

KULIM BANDAR BERSIH, INDAH, MAJU DAN SELAMAT



MAJLIS PERBANDARAN KULIM

EDISI 02 2022  
JULAI - DISEMBER



## PELANCARAN KULIM SMART PARKING



## ISI KANDUNGAN

- ❑ Program Gotong-royong Mega  
Perangi Aedes 1.0 m/s 3
- ❑ Ibadah Qurban MPKK m/s 4
- ❑ Majlis Pra Pelancaran *Kulim Smart Parking* m/s 5
- ❑ Lensa Sukan Pihak Berkuasa Tempatan m/s 6
- ❑ Delegasi Lawatan m/s 8
- ❑ Program Walkabout Projek Perintis  
Bandar Sihat, Taman Tasik Kulim m/s 13
- ❑ Majlis Pelancaran *Kulim Smart Parking* m/s 14
- ❑ Bengkel Kajian Penilaian  
Kawasan Hijau Bandar m/s 16
- ❑ Perhimpunan Bulanan m/s 17
- ❑ Latihan Fire Drill m/s 18
- ❑ Ceramah Agama Bicara Al-Nur m/s 19
- ❑ Majlis Apresiasi Anugerah  
Perkhidmatan Cemerlang MPKK 2021 m/s 20
- ❑ Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah m/s 23
- ❑ Persiapan akhir Pilihan Raya Umum ke-15 m/s 24
- ❑ Lawatan MPKK ke  
Majlis Bandaraya Pulau Pinang m/s 25
- ❑ Kempen Pengurusan  
Minyak Masak Terpakai m/s 26
- ❑ Seminar Pemantapan  
Pihak Berkuasa Tempatan m/s 27
- ❑ Bengkel Pemantapan Hasil MPKK m/s 28
- ❑ Program Gotong-royong Perdana m/s 30
- ❑ Majlis Hi-Tea Pusanita MPKK m/s 31
- ❑ Saluran Aduan Awam MPKK m/s 32

## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

Yang Dipertua MPKK  
Dr. Haji Nadzman Bin Haji Mustafa,  
SDK.,AMK.,BCK.

### PENASIHAT

Puan Setiausaha MPKK  
Cik Amal Binti Zubir,  
AMK., BCK.

### KETUA PENGARANG

Puan Hasnita Binti Mohd Hashim  
Penolong Pengarah  
Bahagian Pembangunan Organisasi  
Jabatan Khidmat Pengurusan

### PENOLONG KETUA PENGARANG

Puan Munira Binti Abdul Rahim  
Ketua Unit komunikasi Korporat  
dan Perhubungan Awam

### KONSEP & REKA BENTUK

Encik Khairul Syafiq Bin Shahari  
Pembantu Tadbir  
Bahagian Pembangunan Organisasi

### PENGARANG

- Encik Hasril Hafiz Bin Abdul Halim  
Penolong Pegawai Penerangan,  
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam
- Nurfarahin Binti Jefri  
Pekerja Sambilan Harian,  
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

### JURUFOTO

- Encik Hasril Hafiz Bin Abdul Halim  
Penolong Pegawai Penerangan,  
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam
- Encik Syaiful Adnan Bin Othman  
Pembantu Operasi,  
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam
- Encik Khairul Syafiq Bin Shahari  
Pembantu Tadbir  
Bahagian Pembangunan Organisasi

### SIDANG PENGARANG/SUMBER MAKLUMAT

- Jabatan Perancangan dan Landskap
- Jabatan Kesihatan Persekitaran
- Jabatan Pembangunan Masyarakat
- Jabatan Penguatkuasaan
- Jabatan Khidmat Pengurusan
- Bahagian Pembangunan Organisasi
- Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

### MAJLIS PERBANDARAN KULIM

No 1 Lebuhraya Bandar 2, Bandar Putra,  
09000 Kulim Kedah Darul Aman



04-4325225



@majlisperbandarankulim



04-4325229



@mediampkk22



info@mpkk.gov.my



@info\_mpk



www.mppk.gov.my





## PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA MEGA PERANGI AEDES 1.0

**02 Julai 2022-** Majlis Penutup Pelancaran Gotong-Royong Mega Perangi Aedes 1.0 Peringkat Negeri Kedah dan Jelajah ANMS di Taman Ria, Padang Serai oleh YB. Dato' Dr. Mohd Hayati bin Othman, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Dan Kerajaan Tempatan Negeri Kedah diiringi YBhg. Pengarah Kesihatan Negeri Kedah, Dr. Othman bin Warijo bersama Tuan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim, Dr. Haji Nadzman bin Mustaffa. Wakil ketua-ketua jabatan agensi awam dan swasta juga turut hadir menjaya program ini.

Demi memastikan penyakit demam denggi daripada terus merebak dan mengancam kesihatan, seluruh warga penduduk perlu bersama-sama memikul tanggungjawab dengan melaksanakan aktiviti membersihkan kawasan persekitaran. Penduduk perlu mencari dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes di kediaman dan premis masing-masing.



Jabatan Kesihatan Negeri Kedah dalam kenyataan media berkata sehingga 25 Jun 2022, bilangan kes Denggi yang dilaporkan di Negeri Kedah adalah sebanyak 533 kes dengan 1 kematian. Peningkatan 112.4% berbanding tempoh yang sama tahun 2021.







# IBADAH KORBAN


**12 Julai 2022** - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) anjuran Kelab Kebajikan, Sukan dan Rekreasi telah mengadakan Majlis Ibadah Korban yang bertempat di perkarangan surau Az Zuhud MPKK.

Warga anggota MPKK telah bergotong-royong melaksanakan penyembelihan dan mengagihkan daging lembu kepada semua warga kerja MPKK.

Terima kasih kepada seluruh anggota MPKK yang turut serta dalam menjayakan ibadah korban pada tahun ini. Semoga dengan gotong royong ibadah korban ini dapat mengeratkan hubungan silaturahim sesama anggota MPKK.







## MAJLIS PRA PELANCARAN KULIM SMART PARKING (KSP)



**13 Julai 2022** – Majlis Pra Pelancaran *Kulim Smart Parking (KSP)* telah berlangsung di Wisma Darul Aman, Alor Star, Kedah. Majlis ini dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi Md Nor, Menteri Besar Kedah dan diiringi Dr. Haji Nadzman bin Mustaffa, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim (MPKK), Encik Abdul Halim Md Lassim, Naib Presiden Eksekutif HeiTech Padu Berhad, dan YB. Dato' Dr. Mohd Hayati Othman, Exco Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kerajaan Tempatan.



Turut hadir Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan, Encik Mohamad Rizal bin Mohamad Radzi, Pegawai Daerah Kulim YBhg. Dato' Haji Abdul Bari bin Abdullah, para pegawai peringkat tertinggi, Ketua-ketua Jabatan MPKK serta rakan strategik media.



Sistem bayaran parkir pintar ini merupakan salah satu inisiatif MPKK untuk maju ke arah transformasi digital, selaras dengan objektif Daerah Kulim sebagai hub pelaburan berteknologi tinggi. Perasmian Pra Pelancaran ini juga turut disiarkan secara langsung melalui *Facebook Page* Majlis Perbandaran Kulim dan *Kulim Smart Parking (KSP)*.



# LENSA SUKAN PBT KEDAH



**1 Jun – 28 Julai 2022** – Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah 2022 telah pertandingan melibatkan 10 daerah sebagai tuan rumah bagi acara sukan berikut :

Bil	Tarikh	Sukan	Tempat
1	1 – 2 Jun	Karom	Majlis Daerah Pendang (MDP)
2	8 – 9 Jun	Sepak Takraw	Majlis Perbandaran Kubang Pasu (MPKP)
3	13 Jun	Congkak	Majlis Daerah Sik (MDS)
4	16 Jun	Batu Seremban	Majlis Daerah Yan (MDY)
5	22 – 23 Jun	Bola Jaring	Majlis Perbandaran Kulim (MPKK)
6	27 Jun	Dam Aji	Majlis Daerah Bandar Baharu (MDBB)
7	29 – 30 Jun	Badminton	Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK)
8	5 Julai	Dart	Majlis Perbandaran Langkawi (MPL)
9	21 Julai	Tenpin Bowling	Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS)
10	22 September	Bola Sepak	Majlis Daerah Baling (MDB)







Tahniah buat semua pasukan yang telah menyertai Sukan PBT Negeri Kedah 2022 serta bertungkus lumus dalam misi memburu kemenangan.

Semoga semangat kesukanan ini dapat meningkatkan lagi kesihatan mental dan fizikal yang baik serta mengeratkan ukhuwah sesama anggota PBT Negeri Kedah.





# LAWATAN PERKONGSIAN PENGETAHUAN PERMIT BINAAN EKSPRESS E-10

Lawatan kerja ini bertujuan untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman terutamanya berkaitan pelaksanaan Sistem E10. Inisiatif yang diperkenalkan bagi membolehkan interaksi yang berkesan di antara pelabur dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk memudahkan kerja-kerja pembinaan dan akhirnya pengeluaran produk dapat dikeluarkan mengikut garis masa yang telah ditetapkan tanpa kelewatan.



Delegasi Lawatan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Kerajaan Negeri Sabah dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sabah  
 Tarikh : 14 Julai 2022 (Khamis)  
 Masa : 9:00 pagi

Delegasi diketuai :

YBhg. Tuan Wilson @ Terence Thomas

Timbalan Setiausaha Tetap II, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP)

YBhg. Tuan Ramlee bin Kariah

Timbalan Ketua Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri (JPAN) Sabah



Delegasi Lawatan Majlis Daerah Yong Peng

Tarikh : 18 Ogos 2022 (Khamis)

Masa : 9:00 pagi

Delegasi diketuai :

YBhg. Encik Mohamad Noor Azam bin Sulaiman

Setiausaha Majlis Daerah Yong Peng





**Delegasi Lawatan Majlis Perbandaran Manjung**

Tarikh : 12 September 2022 (Isnin)

Masa : 9:00 pagi

Delegasi diketuai :

YBhg.Tuan Syamsul Hazeman bin Md Salleh

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Manjung



**Delegasi Lawatan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)**

Tarikh : 06 Oktober 2022 (Khamis)

Masa : 9:00 pagi

Delegasi diketuai :

YBrs. Dr. Mohd Bakhari bin Ismail

Timbalan Ketua Pengarah (TPP)

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia



**Delegasi Lawatan Majlis Daerah Taph**

Tarikh : 11 Oktober 2022 (Selasa)

Masa : 10:30 pagi

Delegasi diketuai :

YBhg.Tuan Haji Ahmad Roslan bin Mohamed Nazir, C.A (M)

Yang Dipertua Majlis Daerah Taph





**Delegasi Lawatan Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh : 19 Oktober 2022 (Rabu)

Masa : 3:00 petang

**Delegasi diketuai :**

YBrs. Dr. Fary Akmal binti Osman

Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Perkhidmatan

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)



**Delegasi Lawatan Majlis Perbandaran Segamat**

Tarikh : 19 Oktober 2022 (Rabu)

Masa : 9:30 pagi

**Delegasi diketuai :**

YBrs. Azman bin Ali @ Ab Ghaffar

Pegawai Perancang Bandar dan Desa



**Delegasi Lawatan PLANMalaysia**

Tarikh : 18 Oktober 2022 (Selasa)

Masa : 9:30 pagi

**Delegasi diketuai :**

Yang Berusaha Puan Lilian Tai Yee Chi

Ketua Unit Gubalan Teknikal PLANMalaysia Putrajaya

Delegasi lawatan berkenaan dengan kajian pelaksanaan caj pemajuan mengikut bahagian v, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)





Delegasi Lawatan Majlis Perbandaran Kangar  
Tarikh : 15 Ogos 2022 (Isnin)  
Masa : 10:00 pagi

Delegasi diketuai :  
YBhg. Encik Raziff bin Yaacob  
Setiausaha Majlis Perbandaran Kangar

Delegasi lawatan bertujuan perkongsian pengetahuan perancangan dan pelaksanaan *Smart Parking*.



Delegasi Lawatan Majlis Perbandaran Langkawi  
Tarikh : 14 Disember 2022 (Rabu)  
Masa : 9:00 pagi

Delegasi diketuai :  
Encik Mohd Rahmad bin Abdullah  
Penolong Pegawai Penguatkuasa

Delegasi lawatan bertujuan peningkatan kerjaya kakitangan Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan





**Delegasi Lawatan Sarawak Multimedia Authority**


Tarikh : 25 Julai 2022 (Isnin)

Masa : 3:30 petang

Delegasi diketuai :

YBhg. Tuan Awang Johari bin Awang Mustapha General Manager  
Office, Sarawak Multimedia Authority

Delegasi lawatan bertujuan penanda aras Sarawak Multimedia Authority  
ke MPKK.



**Delegasi Lawatan Majlis Bandaraya Alor Setar**

Tarikh : 8 Ogos 2022 (Isnin)

Masa : 9:00 pagi

Delegasi diketuai :

YBhg. Encik Bohari bin Md Yusof  
Pengarah Jabatan Perancangan Korporat dan Strategik

Delegasi lawatan bertujuan perkongsian pengetahuan dan  
perbincangan Sistem Pengurusan Anti Rasuah 37001:2016



# PROGRAM WALKABOUT PROJEK PERINTIS

## BANDAR SIHAT TAMAN TASIK PUTRA, KULIM



**3 Ogos 2022** - YBrs. TPr Dr. Alias bin Rameli, Ketua Pengarah PLANMalaysia telah menghadiri dan melancarkan Program *Walkabout* Projek Perintis Bandar Sihat Taman Tasik Putra, Kulim, Kedah di bawah inisiatif Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS). Ketua Pengarah PLANMalaysia bersama YBrs. Dr. Haji Nadzman bin Mustaffa, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) turut menandatangani plat projek perintis bandar sihat dan menyampaikan *mockup cheque* peruntukan bagi pelaksanaan Program Bandar Selamat Tahun 2022 kepada MPKK.

Semasa program tersebut TPr Dr. Alias bin Rameli berkesempatan meninjau dan menguji sendiri beberapa peralatan *outdoor gym* yang merupakan salah satu daripada komponen penting dalam projek perintis bandar sihat Taman Tasik Putra, Kulim. Program ini bertujuan menjadikan rakyat Malaysia sihat sejahtera melalui pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran yang menyokong hidup sihat. Inisiatif bandar sihat atau lebih sinonim sebagai *Healthy City*. Pelbagai aktiviti menarik yang diadakan sepanjang program berlangsung seperti senamrobik, *treasure hunt*, acara berkuda dan memanah.



Selain itu, terdapat juga pameran dari agensi-agensi seperti PDRM, Lembaga Tabung Haji, ujian kesihatan percuma oleh Pejabat Kesihatan Daerah Kulim, *Kulim Smart Parking*, E10, *Kulim Integrated Database System-KIDs* dan pameran kebun komuniti.







# MAJLIS PELANCARAN KULIM SMART PARKING

**28 September 2022** - Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) telah melancarkan *Kulim Smart Parking* bertempat di Pusat Perniagaan Seraya, Kulim. Aplikasi *Kulim Smart Parking* merupakan hasil kolaborasi antara MPKK bersama syarikat HeiTech Padu Berhad untuk mengoperasikan Sistem Tempat Letak Kereta (TLK) Pintar yang meliputi 7,000 TLK di bawah bidang kuasa MPKK. Pelancaran Aplikasi *Kulim Smart Parking* telah menjadikan MPKK sebagai Pihak Berkuasa Tempatan pertama di Negeri Kedah yang menggunakan aplikasi tempat letak kereta pintar.



Setiausaha MPKK, Cik Amal Binti Zubir menyatakan bahawa Aplikasi *Kulim Smart Parking* ini merupakan inisiatif MPKK bagi menambah baik serta meningkatkan taraf mutu perkhidmatannya dari segi tadbir urus, operasi, dan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan khususnya melalui pengurusan tempat letak kereta. Orang awam boleh menggunakan aplikasi pintar ini untuk membuat transaksi berkaitan tempat letak kereta (TLK), termasuklah pembayaran TLK dan pembayaran pas bulanan TLK. *Kulim Smart Parking* ini merupakan salah satu inisiatif 'quick win' yang menyokong agenda pembangunan Bandar Kulim ke arah bandar pintar (*Smart City*).





Inisiatif yang serba baharu dari segi pembangunan dan infrastruktur tersebut turut mengajak orang ramai untuk membudayakan teknologi di dalam urusan kerja dan kehidupan seharian. Situasi ini akan memudahkan lagi para pengguna dengan membolehkan transaksi-transaksi dibayar menggunakan *e-wallet*, sekaligus menjimatkan masa pengguna.

Beliau turut menyatakan bahawa berdasarkan kaji selidik yang telah dijalankan bermula pada bulan Jun yang lalu, majoriti responden bersetuju bahawa bayaran letak kereta secara atas talian menggunakan telefon pintar adalah lebih mudah berbanding bayaran secara tunai.

Pada majlis tersebut, beliau turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penduduk Kulim dan orang ramai yang sudi memberikan pandangan dan cadangan yang membina agar pihak MPKK terus menambah baik penyampaian perkhidmatan MPKK dari semasa ke semasa.



Turut menghadiri majlis pelancaran merupakan Naib Presiden Eksekutif HeiTech Padu Berhad, En Abdul Halim Md Lassim yang menyambut baik dan memberi tanda sokongan terhadap aspirasi pihak MPKK. Beliau menyatakan bahawa inisiatif MPKK bagi merealisasikan Bandar Kulim sebagai sebuah bandar pintar melalui transformasi budaya teknologi dalam kehidupan seharian ini akan didokong melalui usaha pengoperasian lebih kurang 7,000 TLK di dalam Bandar Kulim akan diuruskan dengan sebaik mungkin. Sebagai rakan strategik inisiatif *Kulim Smart Parking* dan sebagai pemacu kepada usaha-usaha transformasi digital badan-badan kerajaan, pihak HeiTech Padu Berhad akan memastikan mutu perkhidmatan untuk menggerakkan sistem *Kulim Smart Parking* dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin, bagi menyahut aspirasi dan identiti Kulim sebagai Bandar Industri Berteknologi Tinggi.

Aplikasi *Kulim Smart Parking* akan tersedia di platform-platform tertentu secara berperingkat bermula penghujung bulan September 2022 dan penggunaan penuh akan dimulai pada awal bulan Oktober 2022.







## Bengkel Kajian Penilaian KAWASAN HIJAU BANDAR

**15 November 2022** – Dr. Haji Nadzman bin Mustafa, Yang Dipertua MPKK mengiringi Dr. Noor Azlin Yahya, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi Perasmian Bengkel Kajian Penilaian Kawasan Hijau Bandar untuk Pengurusan Bersepadu ke Arah Kesejahteraan Masyarakat dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kulim.

Bengkel yang dilaksanakan di Hotel Seri Malaysia Kulim ini merupakan inisiatif FRIM bagi menyebarkan luas hasil kajian yang dilaksanakan di kawasan hijau bandar, khususnya kepada pihak berkepentingan dan masyarakat di sekitar lokasi kajian iaitu Taman Tasik Putra, Kulim, Kedah.

Dr Noor Azlin dalam ucapannya berkata “kawasan hijau bandar termasuk taman-taman awam memainkan pelbagai fungsi tersendiri dan menyumbang kepada pelbagai faedah. Ia menawarkan peluang pendidikan mengenai kepentingan biodiversiti dan faedah kawasan hijau dalam menangani perubahan iklim umpamanya. Tumbuh-tumbuhan di taman awam dan sekitarnya dapat melembutkan persekitaran bandar yang semakin padat dengan struktur-struktur binaan, menambah baik kualiti iklim mikro dengan mengurangkan kepanasan dan meningkatkan kelembapan relatif, serta dapat mengawal hakisan dan memulihara kawasan tadahan air”. Beliau turut menekankan bahawa kawasan hijau yang dibangunkan dan diselenggara dengan baik dapat memberi manfaat sosio-ekonomi kepada populasi setempat.



Di samping itu, ia menawarkan persekitaran yang kondusif bagi meningkatkan peluang untuk riadah dan pendidikan pemuliharaan alam semula jadi kepada orang awam memandangkan faktor kemudahan, fasiliti serta ketersediaan sumber biodiversiti.





## PERHIMPUNAN BULANAN ANGGOTA MPKK

### SEMPENA SAMBUTAN HARI INTEGRITI NASIONAL

**08 Disember 2022** – Perhimpunan bulanan anggota Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) sempena sambutan Hari Integriti Nasional Tahun 2022 telah diadakan di perkarangan Lobi, Pejabat MPKK. Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku, Lagu Negeri Kedah, Lagu Perkhidmatan Awam dan bacaan doa.

Ucapan aluan dan perasmian sambutan Hari Integriti Nasional disampaikan oleh Dr. Haji Nadzman bin Haji Mustafa, Tuan Yang Dipertua MPKK. Hadir bersama Tuan Wong Chiew Hoong, Timbalan Pengarah Pencegahan SPRM Kedah dan Puan Balkhis binti Abu Bakar, Pengarah Integriti dan Tadbir Urus Negeri Kedah (JITU).

Dua sesi taklimat disampaikan oleh wakil SPRM iaitu Encik Mohd Azfar bin Johari, Penolong Penguasa SPRM Negeri Kedah berkaitan dengan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Manakala Sesi taklimat yang kedua iaitu Pengukuhan Integriti dan Isu-Isu Tadbir Urus Jabatan / Agensi Kerajaan telah disampaikan oleh Encik Mohd Zainul Fikri bin Dato' Haji Mat Noh, Penolong Pengarah (JITU).





# LATIHAN KEBAKARAN *FIRE DRILL*

**05 Disember 2022** – Latihan kebakaran *fire drill* dan demonstrasi memadam api telah diadakan di tapak parking Majlis Perbandaran Kulim (MPKK). Anggaran seramai 180 orang anggota yang berada di pejabat ketika latihan *fire drill* diadakan.

Tujuan simulasi kebakaran ini diadakan untuk pendedahan kepada anggota MPKK jika berlaku kebakaran dan kaedah untuk menyelamatkan diri serta langkah awal yang perlu dilakukan semasa kebakaran berlaku.



Latihan kebakaran ini dianjurkan oleh Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MPKK dengan kerjasama daripada pihak Bomba Daerah Kulim yang bertujuan untuk memastikan setiap anggota MPKK cakna dengan tindakan yang perlu dilakukan sekiranya berlaku kebakaran. Pihak Bomba turut memberikan sedikit taklimat dan demonstrasi tentang teknik menggunakan hos memadamkan api dengan cara yang betul.







Majlis Perbandaran Kulim



Majlis Perbandaran Kulim

# CERAMAH AGAMA BICARA NUR ÁLA NUR

**29 Disember 2022** - Bicara Nur 'Ala Nur telah diadakan di Bilik Al-Hikmah, Majlis Perbandaran Kulim (MPKK). Tajuk ceramah iaitu Kisah Saidina Umar telah disampaikan oleh Penceramah Ustaz Nasrun bin Haji Othman, Pengarah Urusan An Nasr Dakwah Centre.

Turut hadir anggota-anggota dari MPKK dan Pihak Berkuasa Taman Perindustrian Kulim Hi Tech (PBT).

Ceramah ini merupakan program anjuran Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Agama, Pendidikan, dan Sumber Manusia Negeri Kedah. Ceramah ini turut disiarkan secara langsung di *Facebook Zon Kuliah Online*.



Majlis Perbandaran Kulim



Majlis Perbandaran Kulim



Majlis Perbandaran Kulim



Majlis Perbandaran Kulim





## MAJLIS APRESIASI ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MPKK 2021

**08 September 2022** - Seramai 36 orang anggota Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah diraikan dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2021 bertempat di Hotel Purest, Sungai Petani, Kedah.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPKK telah disampaikan oleh Dr. Haji Nadzman bin Mustaffa, Tuan Yang Dipertua MPKK diiringi oleh Cik Amal binti Zubir, Setiausaha MPKK dan Encik Halimin bin Lahaming, Pengarah Khidmat Pengurusan MPKK. Turut hadir bersama Ahli-ahli Majlis, Pengarah-pengarah, Ketua-ketua Unit serta kakitangan MPKK.

Tujuan APC diadakan bagi menggalakkan amalan budaya kerja cemerlang dan berprestasi tinggi. Di samping, menjadikan anggota penerima APC dapat menjadi contoh dan daya penarik kepada anggota yang lain untuk bersama-sama meningkatkan lagi taraf perkhidmatan demi mencapai matlamat MPKK.

Majlis seterusnya dimeriahkan dengan persembahan “*Live Band*” dari Kumpulan D’Alamanda Band. Turut diadakan sesi cabutan bertuah bersama tetamu yang hadir.

Semoga dengan Majlis APC ini dapat mendorong semangat motivasi setiap anggota agar sentiasa komited dan cemerlang dalam menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan.





## ANTARA PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2021



## ANTARA PENERIMA ANUGERAH PRESTASI KHAS PEKERJA SAMBILAN HARIAN TAHUN 2021



## SENARAI PENERIMA ANUGERAH KEPIMPINAN CEMERLANG TAHUN 2021



## ANTARA PEMENANG BAGI SESI CABUTAN BERTUAH





# TAHNIAH & SYABAS !

## SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2021

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	Sr Fauziah binti Abdul Mutalib, BCK	Pegawai Penilaian
2	Hasnita binti Mohd Hashim	Pegawai Tadbir
3	Uzwana binti Mahmud	Pegawai Perancang Bandar Dan Desa
4	Mazlina binti Wahab	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
5	Saiful Azra bin Mohd Zain	Penolong Jurutera Awam
6	Mohd. Naser bin Saad	Penolong Pegawai Senibina
7	Mohd Faizul Bin Abd Rahman	Penolong Pegawai Perancang Bandar Dan Desa
8	Wan Farah Hanim binti Jumahat	Penolong Arkitek Landskap
9	Nurfahanim binti Saiful Shukri	Penolong Pegawai Tadbir
10	Faridah binti Abdul Manaf, PCK	Pembantu Tadbir P/O
11	Noraini binti Zainol	Pembantu Penilaian
12	Fathinah binti Mohd Isa	Pembantu Tadbir Kewangan
13	Noraaryani Adila binti Abdaul Rashid	Pembantu Penilaian
14	Nur Hidayat binti Isnan	Pembantu Tadbir Kewangan
15	Azhar bin Abdul Manap	Pembantu Tadbir P/O
16	Mohd. Amiruddin bin Aziz	Pembantu Tadbir P/O
17	Asmawi bin Awang	Pembantu Penguatkuasa
18	Nurhazimah binti Zulkofli	Pembantu Penguatkuasa
19	Zulquraish bin Hussain	Pembantu Tadbir P/O
20	Marlidia binti Che Mohd	Pembantu Tadbir P/O
21	Husaini bin Md Isa	Pemandu Kenderaan
22	Mohd. Radzi bin Non	Pembantu Awam
23	Ghani bin Che Mamat	Pembantu Awam
24	Ahazan bin Abu Saman	Pembantu Awam
25	Mohd Zulhusni bin Salleh	Pembantu Awam
26	Che Su bin Saad	Pembantu Awam
27	Mohd Sobri bin Razali	Pembantu Operasi
28	Nuril binti Abdul Rasid	Pembantu Operasi
29	Mohd Azli bin Sudin	Pembantu Awam

## SENARAI PENERIMA ANUGERAH KEPIMPINAN CEMERLANG TAHUN 2021

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	Ahmad Sobri bin Haron, PCK	Pembantu Tadbir P/O
2	Zulkifli bin Hashim	Pemandu Kenderaan
3	Abu Hassan bin Ismail, PPN	Pemandu Kenderaan

## SENARAI PENERIMA ANUGERAH PRESTASI KHAS PEKERJA SAMBILAN HARIAN TAHUN 2021

BIL	NAMA	JAWATAN
1	Muhammad Faris Safwan bin Abdullah	Pekerja Sambilan Harian (PSH)
2	Nur Hafizah binti Jefri	Pekerja Sambilan Harian (PSH)
3	Siti Noor Atiqah binti Che Noor	Pekerja Sambilan Harian (PSH)
4	Mohamad Alif bin Mat Isa	Pekerja Sambilan Harian (PSH)





## MAJLIS MESYUARAT

### KERAJAAN NEGERI KEDAH (MMK)

**24 November 2022** – YAB Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi bin Md Noor, Menteri Besar Kedah mempengerusikan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah (MMK) bersama barisan kepimpinan Yang Berhormat Exco Kerajaan Negeri Kedah telah diadakan di Bilik Mesyuarat Al-Hikmah Majlis Perbandaran Kulim.

Turut hadir bersama YBhg. Dato' Haji Norizan bin Haji Khazali, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, YBhg. Dato' Haji Ishak bin Murat, Pegawai Kewangan Negeri serta para pegawai peringkat tertinggi yang lain.

Ketibaan Delegasi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah disambut oleh Tuan Yang Dipertua, Puan Setiausaha serta para pegawai Majlis Perbandaran Kulim.





# PERSIAPAN AKHIR

## PILIHAN RAYA UMUM KE-15

**15 November 2022** - Tuan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim merangkap Pegawai Pengurus P.018 Kulim / Bandar Baharu melakukan tinjauan perjalanan proses demokrasi pengundian awal bagi anggota yang bertugas di Pasukan Gerakan Am Kulim sempena Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) di Dewan Serbaguna Batalion 2, Pasukan Gerakan Am, Kulim.



### 18 November 2022

Suasana sekitar bagi mengadakan Urusan Semakan Isi Peti Undi Bagi Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU KE-15) bagi Parlimen P018 Kulim Bandar Baharu.

Selamat menjalankan tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia yang bijak dalam membuat keputusan demi negara tercinta.





## LAWATAN KE MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

**19 Oktober 2022** - Lawatan menimba perkongsian ilmu ke Majlis Bandaraya Seberang Perai diketuai oleh Tuan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim bagi melihat dan menilai kesesuaian dan kecekapan penggunaan jentera jenis *Morbark® Beaver™ M12R Brush Chipper*.

*Morbark® Beaver™ M12R Brush Chipper* dikatakan jentera yang ideal untuk pembersihan landskap perumahan, pokok halaman premis dan pembersihan pokok perbandaran.

Reka bentuknya yang padat dan berkuasa menjadikan *M12R Brush Chipper* menjadi pilihan yang baik untuk bergerak di ruang yang terhad. Pembukaan *infeed* yang besar pada jentera ini juga membolehkan bahan dimasukkan dengan mudah dan mengurangkan keperluan untuk mesin gergaji dan petugas tambahan. Semoga hasil lawatan ini dapat menambah ilmu pengetahuan dan menambah baik mutu perkhidmatan.







## KEMPEN PENGURUSAN MINYAK MASAK TERPAKAI

**11 September 2022** - Tuan Yang Dipertua MPKK bersama Ahli-ahli Majlis hadir menyertai Kempen Pengurusan Minyak Masak Terpakai yang telah diadakan di Perkarangan Pasar Awam Padang Serai dengan kerjasama daripada pihak Environment Idaman Sdn Bhd, SWCorp, Pejabat Kesihatan Daerah Kulim dan pelbagai agensi kerajaan berkaitan.

Kaedah pembuangan minyak masak terpakai yang tidak sistematik seperti membuang di dalam sinki atau longkang boleh mengakibatkan longkang atau sistem perparitan tersumbat dan berbau busuk. Keadaan ini secara tidak langsung memberikan impak negatif seperti pencemaran alam sekitar serta menggalakkan kehadiran haiwan perosak yang akan mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan manusia.



Oleh itu, penyampaian maklumat kepada komuniti khususnya kawasan kediaman dan peniaga kedai makan perlu bagi meningkatkan tahap kesedaran sekali gus mendidik mereka melakukan tindakan yang betul untuk menguruskan minyak masak terpakai. Ianya boleh dikumpulkan di dalam tong dan dihantar ke pusat kitar semula bagi tujuan penjualan semula.

Minyak masak terpakai ini akan dikitar semula menjadi biodisel untuk kegunaan mesin, jentera dan alternatif bahan api yang bersih.





## SEMINAR PEMANTAPAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

**27 September 2022** - Seminar Pemantapan Sistem Penyampaian Proses Dan Prosedur Cadangan Pemajuan Pihak Berkuasa Tempatan Zon Utara (Kedah, Pulau Pinang dan Perlis) Tahun 2022 yang julung kalinya diadakan di Grand Ballroom, Kulim Golf & Country Resort.

Seminar tersebut dihadiri seramai 250 peserta dari pelbagai agensi teknikal dalaman PBT dan agensi teknikal luaran serta badan-badan profesional. Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), KPKT memilih untuk bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) sebagai urus setia bersama bagi melaksanakan seminar yang penuh bermanfaat.

Kerjasama ini merupakan tanda sokongan MPKK kepada JKT yang sentiasa berusaha menambah baik prosedur cadangan pemajuan dan secara tidak langsung membawa kepada peningkatan kecekapan dan produktiviti di dalam sektor pembinaan dan pembangunan di negara kita.





# BENGKEL PEMANTAPAN HASIL MAJLIS PERBANDARAN KULIM (30 November – 2 Disember 2022)

Bengkel Pengukuhan Hasil untuk Tahun 2023-2025 sehingga 2035 telah diadakan selaras dengan kejayaan Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) mencatatkan kejayaan kutipan hasil pada tahun 2022 melebihi daripada sasaran bajet 2022 dan diteruskan dengan tindakan semak semula untuk sasaran kedua yang disokong pula beberapa inovasi dan kreativiti daripada hasil kesepakatan anggota di MPKK.



- 1) Menetapkan hala tuju pengurusan lewangan MPKK
- 2) Menyusun strategi dan tindakan bagi mencapai sasaran kutipan hasil 100 juta pada tahun 2030.
- 3) Memupuk semangat berpasukan dalam usaha meningkatkan kutipan hasil MPKK.



Dr. Haji Nadzman bin Haji Mustaffa sedang menyampaikan ucapan alu-aluan Overview dan Hala tuju Strategik MPKK 2021-2025



TPr Haji Hamzah Ab. Halim, Pengarah Jabatan Perancangan membentangkan cadangan pengukuhan pengurusan hasil MPKK serta langkah-langkah strategik untuk capai sasarannya bagi tahun 2023-2025.



MPKK memerlukan pengurusan hasil yang kukuh supaya mampu menyelesaikan isu-isu semasa yang mendatang demi kesejahteraan penduduk Kulim serta selaras dengan kepesatan pembangunan yang berlaku di Kulim.





# BENGKEL PEMANTAPAN HASIL MAJLIS PERBANDARAN KULIM (30 November – 2 Disember 2022)



Bengkel ini merupakan platform yang terbaik dalam pencetusan idea oleh anggota-anggota MPKK untuk meningkatkan hasil. Banyak cadangan yang baik diketengahkan oleh peserta yang mampu dilaksanakan melalui pendekatan 'Whole Of Government' dengan bantuan ICT.



Rumusan dari bengkel ini menunjukkan MPKK berkeupayaan mengutip hasil melebihi RM100 juta dalam tempoh terdekat berbanding sebelum ini.



Perjalanan Bengkel Pengukuhan Hasil ini berjalan dengan lancar dalam suasana santai serta mendapat sambutan yang baik dari semua peserta yang terlibat. Setiap cadangan idea yang diketengahkan oleh peserta dibahas dengan terperinci bagi memudahkan tindakan dan langkah yang akan dilaksanakan berada di landasan yang realiti.



Dr. Haji Nadzman Haji bin Mustaffa sedang mengendalikan sesi pengenalan bengkel dengan menyuntik semangat kerja berpasukan dalam usaha meningkatkan hasil yang akan membantu MPKK mencapai sasaran Bajet Tahun 2023 dan juga persediaan perancangan Bajet tahu 2024-2025.





## PROGRAM GOTONG – ROYONG PERDANA WABAK DENGGI

**12 November 2022** - Program Gotong Royong Perdana Wabak Denggi di Rumah Pangsa Taman Jati dengan kerjasama pelbagai jabatan dan agensi antaranya Pejabat Kesihatan Daerah Kulim, Pasukan Gerakan Am Kulim, Sukarelawan COMBI, E-Idaman Sdn. Bhd. serta wakil penduduk setempat.



Penduduk dinasihatkan agar membersihkan kawasan kediaman agar bebas daripada tempat pembiakan, untuk putus kitaran nyamuk aedes yang membawa wabak penyakit demam denggi.

**Elakkan menjadi mangsa wabak penyakit demam denggi !**





# MAJLIS HI-TEA PUSPANITA

## MAJLIS PERBANDARAN KULIM

**29 Disember 2022** – Majlis Hi-Tea PUSPANITA MPKK bertemakan Tradisional telah diadakan dengan penuh harmoni bertempat di Dewan Bandaran, Kulim. Majlis Hi-Tea ini telah dirasmikan oleh Puan Siti Fatimah binti Ahmad Rosdi, Pengerusi Pusp Anita MPKK.

Turut hadir bersama Cik Amal binti Zubir, Setiausaha MPKK, Pengarah-pengarah Jabatan serta pekerja wanita MPKK.

Dalam majlis ini, pelbagai aktiviti sukan tradisional yang dipertandingkan seperti Batu Seremban, Congkak dan Dam Aji. Turut diadakan sesi pertukaran hadiah dan penyampaian hadiah kepada pemenang pakaian tercantik yang mengikut tema serta hadiah sukan tradisional.

Semoga penganjuran majlis ini dapat merapatkan lagi hubungan di antara kaum anggota wanita MPKK.







## SALURAN RASMI ADUAN AWAM MPKK

HUBUNGI TALIAN RASMI MPKK

**04-4323255**,  
sambungan ke Bahagian Aduan,  
Unit Komunikasi dan  
Perhubungan Awam, MPKK



UNTUK MEMBUAT ADUAN SECARA  
ONLINE, ANDA JUGA BOLEH  
MELAYARI

<https://e-aduan.mpkk.gov.my>



DATANG SENDIRI KE

(KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN  
PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN  
KULIM, MPKK).

EMAIL ADUAN ANDA KE :

[aduan@mpkk.gov.my](mailto:aduan@mpkk.gov.my)



SISTEM PENGURUSAN ADUAN  
AWAM NEGERI KEDAH (SISPAA)

<https://kedah.spab.gov.my>



SURAT MENYURAT ADUAN RASMI :

**Majlis Perbandaran Kulim,  
No 1 Lebuh Bandar 2,  
Bandar Putra,  
09000 Kulim,  
Kedah Darul Aman.**

